

22 MAR 1999

Mahathir-Penjajahan

PENJAJAHAN SEMULA BUKAN CERITA DONGENG, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat berwaspada terhadap ancaman penjajahan semula oleh negara Barat di negara ini kerana ia bukan cerita dongeng atau cerita rekaan politiknya.

"Jangan fikir lepas mereka beri kita kemerdekaan niat mereka untuk menjajah semula dan mengeksploitasi kita sudah tamat," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, bentuk penjajahan semula sekarang tidak menggunakan tentera dan senjata, sebaliknya menggunakan kuasa ekonomi untuk menjadikan negara ini miskin dan seterusnya akan tunduk kepada mereka dan menjadi sebahagian daripada empayar mereka.

"Mereka masih ingin mendominasi kita dan mereka tidak senang hati dengan kemerdekaan kita," katanya pada majlis perjumpaan dengan para pegawai kerajaan, imam dan penghulu Kedah di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini yang berakhir hari ini. Kedah merupakan negeri pertama dalam siri lawatannya ke seluruh negara bagi menerangkan kepada rakyat mengenai perkembangan ekonomi dan politik tanah air.

Katanya mereka memberi kemerdekaan kepada negara ini dahulu atas kepentingan mereka dan bukan kepentingan rakyat negara ini kerana mereka ingin menyekat negara blok komunis daripada memperluaskan pengaruhnya di negara ini,

"Ingat kita merdeka sebab penjajah tidak gunakan segala senjata dan kekuatan yang mereka ada untuk kekalkan penjajahan mereka ketika itu. Kita cuma tandatangan surat kemerdekaan di atas sekeping kertas sahaja tanpa perlu berjuang berhabis-habisan," katanya.

Dr Mahathir berkata disebabkan oleh kejatuhan blok komunis di dunia ini sekarang maka tidak ada sebab lagi bagi kuasa Barat untuk memberi negara-negara yang pernah dijajah termasuk Malaysia terus bebas.

Beliau berkata salah satu strategi Barat ialah dengan menggunakan orang tempatan sebagai boneka mereka dalam melaksanakan cita-cita mereka.

"Hati-hati dengan Barat, mereka boleh jadi kawan tetapi jangan percaya. Mereka nak menjajah semula. Mereka memperalatkan orang kita," katanya.

Perdana Menteri berkata sebab itu Barat begitu gembira dengan rusuhan di jalan agar mereka boleh jatuhkan kerajaan yang ada dan menaikkan pihak yang didukung oleh mereka.

"Mereka tidak suka kepada kerajaan yang ada dan saya kerana saya selalu menegur keganasan, penindasan, sikap tidak jujur mereka di dalam bidang ekonomi, politik dan ketenteraan," katanya.

"Kita akan gunakan kekuatan kita untuk mempertahankan kemerdekaan negara ini," tegas Dr Mahathir.

Beliau berkata ancaman penjajahan itu bukan cerita dongeng atau cerita rekaan politiknya kerana beliau tidak mendapat faedah sekiranya berbuat demikian.

"Saya sudah 74 tahun. Apa yang saya nak lagi. Jawatan tertinggi yang saya boleh pegang ialah Perdana Menteri dan itu saya sudah pun dapat. Tak kan saya nak jadi Yang di-Pertuan Agong."

Bagaimanapun, katanya, beliau perlu mendedahkan (ancaman itu) supaya rakyat Malaysia tidak dijajah semula.

"Kemerdekaan tidak bermakna sekali kita menang, kita menang lagi, tidak semestinya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau pernah hidup di bawah tiga penjajah iaitu British, Jepun serta Thailand dan beliau terasa terhina bila dijajah kerana terpaksa panggil mereka "Tuan" walaupun di rumahnya sendiri.

Perdana Menteri berkata beliau memang bercadang hendak bersara pada tahun lepas tetapi meneruskan tugasnya memandangkan ancaman penjajahan semula itu.

Beliau juga menegur Pas kerana menuduhnya sekular.

Dr Mahathir berkata tindakannya mempertahankan kedaulatan negara adalah sejajar dengan ajaran Islam, dan bukannya sekular.

Media asing, katanya, menyokong Pas kerana mahukan Pas menewaskan Umno dan bukannya untuk menjadikan Malaysia negara Islam.

Beliau juga menegur golongan mahasiswa yang membenarkan diri mereka diperalatkan oleh Barat untuk membolehkan mereka menjajah semula negara ini.

-- BERNAMA

JM NMO